

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ B. SYED ABDUL  
RAHMAN (MUAR)**

**SOALAN**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [ MUAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan komitmen dan rancangan untuk menyahjenayah penagihan dadah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited untuk menangani isu penyalahgunaan dadah dan sentiasa mengkaji keperluan untuk membuat pengemaskinian pendekatan-pendekatan yang diambil selaras dengan arus peredaran zaman. Sejak 1970-an, elemen rawatan dan pemulihan dadah telah diperkenalkan melalui pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952 dan diperkukuhkan lagi apabila Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 telah digubal. Pelaksanaan Akta ini merupakan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan rawatan dan pemulihan dadah kepada penagih dadah.

Kini, dengan adanya peningkatan pengetahuan dan ilmu berkenaan penagihan dadah, program-program yang berasaskan bukti saintifik (*evidence-based*) dan *best practices* diserapkan dalam usaha menangani penagihan dadah. Oleh itu, mengambil kira perkembangan ini, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan/Agensi di bawahnya iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan dan Polis Diraja Malaysia, sedang mengkaji penambahbaikan dan menyediakan cadangan pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dengan memasukkan elemen-elemen penyahjenayahan penyalahgunaan dadah dengan tujuan utama untuk meningkatkan akses kepada rawatan dan pemulihan dadah.